

05/08/2000

Wanita suara pendapat menerusi WarkahNet

KUALA LUMPUR, Jumaat - Wanita Malaysia menunjuk kematangan mereka dengan menyatakan pelbagai pandangan termasuk cara mengurangkan ketegangan antara pelbagai kaum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi laman web WarkahNet.

Laman berkenaan yang dilancarkan Selasa lalu, memberi peluang kepada wanita menyuarakan pendapat mereka secara peribadi kepada Perdana Menteri.

Panel Pengerusi Majlis Internet Wanita Malaysia (Masnita), Datuk Seri Paduka Zaleha Ismail, berkata sambutan baik menunjukkan wanita setanding lelaki dalam pelbagai bidang termasuk mengenai isu semasa.

"Ini juga membuktikan usaha memperkenalkan teknologi maklumat (IT) di kalangan wanita tidak sia-sia," katanya ketika dihubungi berhubung sambutan baik terhadap laman web itu daripada wanita di seluruh negara.

"Selain menyanjung perjuangan Perdana Menteri, ada antara e-mel itu memberi cadangan bagaimana mengatasi ketegangan yang wujud dalam negara selain penyatuan kaum," katanya.

Zaleha berkata, malah sambutan terhadap laman itu tidak terhad kepada wanita Malaysia saja.

"Wanita dari luar seperti Amerika Syarikat dan Singapura, selain warganegara Filipina yang menetap di negara ini turut menghantar e-mel," katanya.

Beliau mengulas sambutan yang diterima terhadap laman web baru Masnita dan Yayasan Azam Wanita (Yaznita) di www.mymalaysiaboleh.com.

Laman web itu dilancarkan sempena menyambut Hari Wanita Sedunia 25 Ogos ini yang mana wanita boleh menghantarkan e-mel kepada Perdana Menteri.

Mereka diberi tempoh sehingga 20 Ogos ini untuk menghantar mesej berkenaan sebelum diserahkan sendiri kepada Dr Mahathir.

(END)